

23/09/1997

Tohmahan Soros tidak datangkan kesan buruk

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Isnin - Pelbagai tohmahan yang dilemparkan oleh George Soros terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam tidak akan memberikan sebarang kesan buruk kepada ekonomi negara.

Kalangan ahli ekonomi dan tokoh perbankan yang ditemui menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di sini, hari ini berkata, ia kerana Malaysia mempunyai asas ekonomi yang mantap.

Presiden Ford Financial Services Group (Ford), Kenneth Whipple, berkata keyakinan pelabur terhadap sesebuah negara tidak akan terjejas semata-mata kerana perbezaan pendapat di antara pemimpinnya dengan pengurus dana.

"Saya percaya perkara itu tidak akan memberi kesan terhadap kedudukan dan masa depan ekonomi Malaysia," katanya ketika diminta mengulas sama ada kenyataan Soros itu mampu memberi kesan negatif kepada Malaysia.

Soros ketika berucap mengakhiri seminar hari kedua menjelang Mesyuarat IMF-Bank Dunia, semalam memberitahu perwakilan bahawa beliau dijadikan sasaran tuduhan Dr Mahathir apabila Malaysia menghadapi kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Beliau mendakwa serangan Perdana Menteri terhadapnya itu bertujuan menutup kelemahan pemimpin Malaysia itu menangani permasalahan ekonomi semasa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika diminta mengulas dakwaan Soros, semalam berkata, ia adalah muslihat pembiaya kewangan itu untuk mengabui dunia mengenai kerjaya manipulasinya.

"Untuk Soros menyatakan bahawa ini (tindakan Perdana Menteri menyalahkannya) sebagai langkah untuk menutup kelemahan dan kegagalan kita mengurus ekonomi adalah tidak benar.

"Oleh itu, analisis Soros terhadap Dr Mahathir adalah tidak tepat dan dibuat semata-mata sebagai helah menutup kerjayanya," kata Anwar.

Sementara itu, Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Bank of Asia, David Li berkata, selama ini Malaysia sudah berjaya menunjukkan komitmennya kepada dunia bahawa ia sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelabur asing.

"Selain itu, Malaysia juga mempunyai dasar kewangan yang pragmatik dalam menangani pelbagai permasalahan.

"Walaupun kadangkala kurang berkesan, ia cukup untuk meyakinkan pelabur," katanya.

Li berkata, pelabur asing juga sentiasa mengutamakan asas ekonomi sesebuah negara sebelum membuat keputusan melabur dan dalam kes ini, fundamental ekonomi Malaysia masih baik.

Seorang pengurus dana asing, ketika ditanya, adakah kejatuhan pasaran saham dan penurunan nilai ringgit akan menyebabkan pelabur asing bimbang dengan Malaysia, berkata, ia tidak semestinya begitu.

"Pasaran saham dan nilai ringgit tidak semestinya dilihat sebagai angka tunjuk ekonomi terutama dalam keadaan kekecohan sekarang kerana ia kadangkala tidak relevan langsung," katanya.

(END)